

KERAJAAN BERTINDAK JIKA KEADAAN MEMERLUKAN - PM

Bila ISA akan dimansuhkan

KUALA LUMPUR 24 Jan. — Kerajaan akan mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan akan bertindak apabila keadaan memerlukan, tegas Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata undang - undang tersebut dan undang - undang lain yang berkenaan akan terus dipakai selagi isu-isu perkauman, keagamaan dan sebagainya mempunyai potensi untuk menjadi ancaman terhadap keselamatan rakyat dan

negara. -

"Oleh itu, sehingga rakyat dapat membendung diri sendiri, kerajaan akan mengekalkan akta ini dan juga undang - undang lain yang berkenaan dan bertindak apabila keadaan memerlukan," ujar beliau.


Berucap di majlis sambutan ulangtahun ke-15 Rukun Tetangga di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata pengalaman telah membuktikan betapa padahnya jika isu-isu perkauman dan keagamaan tidak diawasi dan dibendung sebaik-baiknya.

"Dalam hal ini pendekatan kerajaan ialah adalah lebih baik kita mencegah daripada mem-

biarkan sesuatu perkara buruk itu berlaku dan mengorbankan nyawa dan harta benda.

"Pencegahan adalah jauh lebih baik daripada pemulihan dan ini telah dibuktikan pada bulan Oktober 1987 apabila kita telah berjaya menenteramkan dan menyelamatkan keadaan dengan mengambil tindakan tegas di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri," tegas Perdana Menteri.

Menyentuh soal integrasi di antara wilayah dalam konteks pembentukan bangsa atau *nation building*, Perdana Menteri berkata integrasi yang perlu diusahakan dengan lebih gigih lagi ialah di antara Sabah dan Sarawak dengan negeri - negeri di Semenanjung.



UM 25 JAN 1988

Katanya, Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan - kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah mengambil berbagai langkah untuk memajukan integrasi ini.

Namun, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, proses integrasi tersebut tidak boleh disempurnakan dalam waktu yang singkat dan memerlukan masa.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menyeru rakyat supaya mempunyai wawasan yang sama bagi memantapkan lagi proses pembentukan bangsa atau *nation building* pada tahun-tahun 90-an.

"Sudah pasti kita akan terus menghadapi berbagai cabaran dalam usaha ini tetapi kalau kita mempunyai komitmen yang kuat, matlamat serta wawasan yang sama dan berpegang teguh pada perlembagaan dan Rukunegara, saya yakin akan wujud sebuah negara Malaysia yang lebih mantap dan utuh," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Tambah beliau, sekiranya rakyat mempunyai wawasan yang berlainan dan yang bercanggah dan masing - masing pihak hanya mementing dan memperjuangkan wawasan masing - masing, maka penyatupaduan matlamat akan sukar dicapai dan perpecahan akan berlaku.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata perpaduan yang wujud sekarang perlu ditingkatkan lagi ke tahap yang lebih kukuh